



Pusat Pendidikan
Profesional dan Lanjutan
PROFESSIONAL AND CONTINUING EDUCATION CENTRE
Universiti Utara Malaysia

PEMAKLUMAN TARIKH BAHARU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER JANUARI SESI 2026/2027 **[14 HINGGA 17 MEI 2026]**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera pelajar yang dihormati,

Peperiksaan akhir Semester Januari Sesi 2026/2027 akan diadakan secara serentak di semua Pusat Peperiksaan PACE iaitu di Kampus Induk Universiti Utara Malaysia, Kuala Lumpur/Selangor, Kota Bharu, Johor Bahru, Melaka, Kota Kinabalu, Kuching, Sibul, Miri, Ipoh dan Kuantan bermula **14 hingga 17 Mei 2026**.

[Jadual waktu dan lokasi peperiksaan akhir setiap Pusat Peperiksaan PACE akan dimaklumkan pada Pertemuan Keempat melalui laman web PACE UUM].

PERINGATAN PENTING

1. Pelajar **DIHALANG** menduduki peperiksaan akhir sekiranya tidak mendaftar kursus bagi semester semasa.
2. Tarikh Akhir Permohonan Pertukaran Pusat Peperiksaan dibuka sehingga atau selewat – lewatnya pada **20 April 2026 (Isnin)**. Permohonan melalui emel pace@uum.edu.my selepas tarikh akhir permohonan tidak diterima. Permohonan Pertukaran Pusat Peperiksaan dibuka bagi kursus ditawarkan di pusat dipohon sahaja.
3. Pelajar diwajibkan mengisi Penilaian Kursus Akademik (Ecevas) melalui Portal UUM sebelum menduduki peperiksaan akhir.
4. Pelajar dikehendaki membawa kad pengenalan, slip peperiksaan dan kad matrik/salinan ID digital semasa menduduki peperiksaan akhir.
5. Pelajar **DIKEHENDAKI** mematuhi [Etika Pakaian Rasmi Pelajar Universiti](#) Utara Malaysia sepanjang menghadiri peperiksaan akhir.
6. Pelajar adalah diingatkan supaya tidak melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan dan Kaedah-Kaedah Universiti dan Kolej Universiti (Universiti Utara Malaysia) (Tatatertib Pelajar) 2024.
7. Kecurangan Akademik: Kecurangan Akademik meliputi tindakan-tindakan pelajar yang melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan dan melakukan plagiat bagi kertas projek, latihan ilmiah atau lain-lain tugas dan kursus.

HALANGAN

1. Pelajar akan dihalang daripada mengambil peperiksaan akhir sekiranya lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit memasuki Dewan Peperiksaan tanpa sebab yang munasabah. Gred F akan diberikan kepada pelajar berkenaan;
2. Pelajar akan dihalang daripada menerima keputusan peperiksaan rasmi pada akhir setiap semester sehingga ia menjelaskan kepada Universiti segala bayaran yuran dan bayaran lain yang diperlukan;
3. Pelajar DIKEHENDAKI membayar yuran pengajian sepenuhnya agar tidak dihalang mencetak slip peperiksaan akhir melalui Portal UUM sebelum menduduki peperiksaan akhir.

TUGAS PELAJAR SEBELUM PEPERIKSAAN AKHIR

1. Pelajar belum menjelaskan yuran pengajian dibenarkan mengisi Penilaian Kursus Akademik (Ecevas) di url: <https://portal.uum.edu.my> menu *Lecture – Ecevas* bermula **20 April 2026 (Isnin) hingga 17 Mei 2026**.
2. Pelajar dikehendaki menjelaskan yuran pengajian sepenuhnya agar dibenarkan mencetak slip peperiksaan melalui Portal UUM.
3. Pelajar boleh mencetak Surat Pelepasan Peperiksaan Akhir di url: <https://portal.uum.edu.my> pada menu *Lecture – Final Examination Release Letter* bermula **20 April 2026 (Isnin)** untuk mendapatkan pelepasan majikan (jika perlu).
4. Pelajar DIKEHENDAKI mencetak slip peperiksaan akhir di url: <https://portal.uum.edu.my> pada menu *Lecture – Slip Examination UG* bermula **27 April 2026 (Isnin)** dan membawa slip peperiksaan semasa menduduki peperiksaan akhir.
5. Sebelum memasuki dewan peperiksaan, pelajar dikehendaki membuat semakan senarai nama pelajar yang layak menduduki peperiksaan akhir iaitu pelajar telah mendaftar kursus pada semester semasa.
6. Bersama – sama ini disampaikan [Peraturan Peperiksaan](#) yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Akademik, UUM untuk perhatian pelajar selanjutnya.

TUGAS PELAJAR SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR

1. Setelah mengambil tempat masing-masing pelajar dikehendaki:-
 - a) mengisi borang kehadiran (HEA/PEP-2) dan meletakkannya di sudut sebelah kanan meja;
 - b) meletakkan kad pengenalan, slip peperiksaan dan kad matrik/salinan ID digital di atas borang kehadiran yang telah dipenuhkan. Borang kehadiran akan dipungut oleh pengawas-pengawas. Pelajar adalah diingatkan supaya mengambil balik kad pengenalan dan slip peperiksaan.
 - c) Pelajar DIINGATKAN agar tidak membawa dan menulis apa – apa butiran pada slip peperiksaan akhir/salinan ID digital.
2. Pelajar mestilah menulis Nombor Matrik, Nombor Kad Pengenalan, Tarikh, Kod/Nama Kursus, Nama Pensyarah dan Kumpulan pada setiap kertas jawapan yang digunakan.
3. Semua pelajar tidak dibenarkan merokok di dalam Dewan Peperiksaan.

4. Pelajar diingatkan agar tidak melanggar mana-mana Peraturan Peperiksaan, membaca dengan teliti dan mematuhi arahan-arahan yang dipaparkan pada soalan peperiksaan.
5. Pelajar tidak dibenarkan berhubung di antara satu sama lain semasa peperiksaan, sama ada melalui percakapan atau cara yang lain. Jika seseorang pelajar ingin berhubung dengan seseorang pengawas, pelajar mestilah mengangkat tangan.
6. Pelajar akan diberikan Gred F sekiranya TIDAK MENGHADIRI peperiksaan akhir kecuali kursus-kursus yang tidak memerlukan peperiksaan akhir seperti yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Akademik Kolej/Pusat Kokurikulum walaupun markah tugasan adalah lulus.
7. Sekiranya pelajar tidak dapat hadir peperiksaan akhir, permohonan peperiksaan akhir gantian dibuka tujuh (7) hari bermula dari tarikh akhir peperiksaan akhir merujuk syarat permohonan peperiksaan gantian seperti hebahan melalui laman web PACE UUM.
 - **[Panduan dan Borang Permohonan Peperiksaan Akhir Gantian.](#)**
 - Tarikh Akhir Permohonan Peperiksaan Gantian adalah pada **24 Mei 2026 (Ahad)**.
[Permohonan Peperiksaan Akhir Gantian bagi kursus yang mempunyai Peperiksaan Akhir sahaja].
 - Permohonan peperiksaan akhir gantian akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Universiti untuk pertimbangan keputusan sewajarnya.
 - Permohonan selepas tarikh akhir permohonan tidak diterima.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan peperiksaan akhir, sila kemukakan pertanyaan melalui emel pace@uum.edu.my untuk keterangan selanjutnya.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar berhubung perkara ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

SEMOGA MAJU JAYA DALAM MENJALANI PEPERIKSAAN AKHIR.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

Unit Peperiksaan
Pusat Pendidikan Profesional & Lanjutan (PACE)
Universiti Utara Malaysia

Disediakan pada 9 April 2026



PENILAIAN KURSUS ECEVAS SEMESTER JJ261

20 APRIL 2026 - 17 MEI 2026

**PELAJAR DIWAJIBKAN MEMBUAT PENILAIAN KURSUS (ECEVAS) MELALUI
PORTAL UUM DI URL : [HTTPS://PORTAL.UUM.EDU.MY](https://portal.uum.edu.my) - LECTURE - ECEVAS**

20 APRIL 2026 – 17 MEI 2026

**SEBELUM MENCETAK SLIP PEPERIKSAAN AKHIR
DAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR.**

**KERJASAMA TUAN/PUAN AMATLAH DIHARAPKAN.
SEKIAN, TERIMA KASIH**

**WAJIB KEPADA SEMUA PELAJAR PACE
PROGRAM SARJANA MUDA MOD SEPARUH MASA UUM**





Pusat Pendidikan
Profesional dan Lanjutan
PROFESSIONAL AND CONTINUING EDUCATION CENTRE
Universiti Utara Malaysia

ETIKA PAKAIAN PELAJAR

PROGRAM SEPARUH MASA PACE UUM



**PELAJAR PERLU MENGIKUTI ETIKA PAKAIAN
YANG TELAH DITETAPKAN BAGI URUSAN:**

- MENGHADIRI KULIAH/KELAS
- PEPERIKSAAN
- URUSAN RASMI DI UUM

Peringatan: tindakan boleh diambil
bagi pelajar yang melanggar etika
pakaian



**Pusat Pendidikan
Profesional dan Lanjutan**
PROFESSIONAL AND CONTINUING EDUCATION CENTRE
Universiti Utara Malaysia

HAL EHWAL AKADEMIK PACE UUM

MAKLUMAN PENGGUNAAN ID DIGITAL PELAJAR

Assalamualaikum Dan Salam Sejahtera,


Adalah dimaklumkan bahawa pihak UUMIT telah mewujudkan ID Digital pelajar yang terkandung di dalam aplikasi **UUM Student** bagi menggantikan penggunaan kad pintar pelajar (Kad Matrik).

Sehubungan dengan itu, pelajar dipohon untuk memuat turun aplikasi tersebut melalui Google play atau Apple App Store. Pelajar perlu login menggunakan *username* dan kata laluan yang sama seperti dalam portal pelajar.

Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan akhir, pelajar dikehendaki *printscreen* atau *screenshot* gambar id digital tersebut (sila rujuk lampiran) bagi membolehkan semakan dibuat oleh petugas yang terlibat semasa peperiksaan akhir berlangsung nanti.

**UNIT KEMASUKAN & REKOD
PUSAT PROFESIONAL & LANJUTAN (PACE)
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

PENGGUNAAN ID DIGITAL PELAJAR




Memuat turun aplikasi UUM Student



Sign in menggunakan username dan password yang sama seperti portal pelajar



Klik pada ID



Screenshot dan cetak gambar Id Digital bagi menggantikan kad matrik pelajar